



Ruj. Kami : UPNM(PB)02.13/02/15/2023

Tarikh : 23 Mei 2023

KENYATAAN SEBUT HARGA

Sebut harga adalah dipelawa kepada kontraktor-kontraktor yang telah berdaftar dengan Universiti Pertahanan Nasional Malaysia, berdaftar dengan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) dan mempunyai sijil Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PPK), Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK) dan Sijil Taraf Bumiputera (STB) di bawah bidang yang berkaitan dan pendaftarannya masih lagi berkuatkuasa bagi tawaran seperti berikut: -

NO RUJ. & TAJUK SEBUT HARGA	KELAYAKAN/ TARAF /JENIS TENDER	Tarikh Taklimat/ Lawatan Tapak	TARIKH TUTUP / NO. PETI	HARGA DOKUMEN
SEBUT HARGA BAGI UPNM(PB)02.13/02/15/2023 - KERJA – KERJA MENAIK TARAF SISTEM PAIP USANG DI ASRAMA KASTURI DAN JEBAT DI UNIVERSITI PERTAHANAN NASIONAL MALAYSIA	Berdaftar CIDB G3 Kategori ME Pengkhususan M15 Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK) CIDB Dan PPK Sijil Taraf Bumiputera	Diwajibkan iaitu berkumpul di Dewan Pendekar UPNM pada 26 Mei 2023 (Jumaat) jam 09.30 pagi (yang telah berdaftar dengan UPNM sahaja)	08 Jun 2023 (Khamis) Jam 12.00 tengah hari Peti No. 2	RM30.00 (Tidak akan dikembalikan)

Hanya penama di dalam Perakuan Pendaftaran Kontrak (PPK), Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK) sahaja yang boleh menghadiri lawatan tapak. Kontraktor/ Syarikat tidak boleh mewakilkan pegawai selain daripada penama dalam PPK, SPKK.

Dokumen sebut harga boleh disemak dan dibeli pada 26 Mei 2023 (selepas menghadiri lawatan tapak) di Seksyen Perolehan, Pejabat Bendahari, Universiti Pertahanan Nasional Malaysia dengan bayaran sebanyak RM30.00 (Ringgit Malaysia: Tiga Puluh Ringgit Sahaja) dalam bentuk Tunai/ Bank Draft dibayar atas nama Bendahari, Universiti Pertahanan Nasional Malaysia (yang tidak akan dikembalikan). Waktu untuk membeli dokumen tawaran adalah seperti di bawah :-

Isnin-Khamis : 8.30 pagi hingga 12.30 tengah hari
2.30 petang hingga 4.00 petang
Jumaat : 8.30 pagi hingga 11.30 pagi

Kontraktor dikehendaki membawa dan mengemukakan Sijil Asal Pendaftaran Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) iaitu Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PPK), Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK) dan Sijil Taraf Bumiputera (STB) beserta salinan sijil-sijil tersebut yang tidak akan dikembalikan semasa Pendaftaran Lawatan Tapak.

Dokumen sebut harga yang lengkap diisi hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat berlakri dan dimasukkan ke dalam Peti Sebut Harga di Pejabat Bendahari, Aras 1, Bangunan Canselori, Universiti Pertahanan Nasional Malaysia, Kem Perdana Sungai Besi, 57000 Kuala Lumpur pada atau sebelum pukul 12.00 tengah hari pada tarikh yang dinyatakan di atas. Tawaran yang lewat tidak akan dipertimbangkan

Bagi sebarang pertanyaan dan keterangan lanjut, berkenaan sebut harga tersebut, sila hubungi (pukul 8.30 pagi sehingga 4.00 petang) Encik Che Mohd Nizam Bin Che Mohd Yusoff di talian 03-90513400 ext-3012(emel : chenizam@upnm.edu.my) atau Encik Yunus bin Ismail di talian (03 – 90513400 Samb 4579) emel yunusismail@upnm.edu.my untuk maklumat berkaitan dokumen.

Iklan ini boleh dilihat di <http://bendahari.upnm.edu.my/> dan <https://myprocurement.treasury.gov.my/>

Sekian, terima kasih.

“MALAYSIA MADANI”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

“KEWAJIPAN, MARUAH, INTEGRITI”

Saya yang menjalankan amanah,



(ROZAH BINTI YASOK)

Penolong Bendahari Kanan

b.p Bendahari

